



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

57
Hari

14
Jam

06
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

2 kementerian mohon kakitangan tambahan

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Januari 31, 2021 @ 12:30pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



gambar hiasan

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya dua kementerian sudah menghantar permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mendapatkan khidmat sokongan penjawat awam daripada kementerian lain atau menerusi agensi dalam kementerian sama.

Khidmat sokongan itu bagi membantu mengawal penularan wabak COVID-19 serta melancarkan program vaksinasi COVID-19 kebangsaan yang akan bermula awal Mac ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memerlukan bantuan sekurang-kurangnya 10,000 penjawat awam daripada kementerian lain, manakala Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula memaklumkan mahu menggunakan khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi membantu Jabatan Penjara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Rahmat

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 34m ['Insya-Allah, Uzair boleh jaga saya'](#)
- 41m [Biden gesa tentera Myanmar lepaskan kuasa, semak sekatan](#)
- 42m [Kabak, Davies perkuat benteng Liverpool](#)
- 1h [Suu Kyi gesa rakyat Myanmar tolak rampasan kuasa tentera](#)
- 1h [WHO kecam pengkritik siasatan punca COVID-19](#)
- 1h [Solskjaer minta pemain buat kecoh](#)
- 2h [Majlis Keselamatan PBB bincang krisis politik Myanmar hari ini](#)
- 9h [Belia perlu kuasai perubahan teknologi agar kekal relevan - Yayasan Peneraju](#)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mond Knaifui Adib Kanman ketika dihubungi BH, mengesahkan MOSTI antara kementerian terawal menghantar permohonan kepada JPA bagi tujuan berkenaan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Mobilisasi sumber bantu perkhidmatan mendesak tangani COVID-19 - KSN**
- **Penjawat awam malu dedah masalah kepada pegawai psikologi - JPA**
- **Berani untuk berubah pacu gelombang transformasi perkhidmatan awam**
- **Petugas Home Team Singapura akan disuntik vaksin COVID-19**

Katanya, mobilisasi penjawat awam antara jabatan adalah untuk menjayakan program vaksinasi COVID-19, tetapi tidak membabitkan sebarang perjawatan baharu.

"Apabila pelan vaksinasi berjalan di seluruh negara, perlu ada lebih banyak bantuan seperti mereka yang bertugas sebagai kerani untuk menjalankan kerja merekod. Ia hanya kerja sementara.

"KDN pula sudah menyatakan untuk menggunakan khidmat RELA bagi membantu Jabatan Penjara," katanya menambah, setakat ini JPA belum tahu jumlah keseluruhan penjawat awam yang diperlukan atau ditukarkan bagi membantu agensi lain.

Mohd Khairul Adib berkata, semua pihak dalam sektor awam perlu bersedia dan tidak boleh menunggu sahaja dalam tempoh darurat ketika ini.

Katanya, setiap kementerian akan diminta menyediakan pembentangan penugasan sementara pegawai perkhidmatan awam Persekutuan ke agensi lain dalam tempoh Proklamasi Darurat 2021, dalam masa terdekat.

Beliau berkata, Ketua Setiausaha (KSU) setiap kementerian sudah diarah membentangkan jumlah kakitangan dan perkara berkaitan dalam urusan itu, termasuk spesifikasi jabatan yang diperlukan.


Difahamkan, JPA juga sudah mengeluarkan pekeliling bagi menyelaraskan urusan penempatan pegawai bagi tujuan penugasan semula secara sementara ke agensi perkhidmatan perlu dalam tempoh Proklamasi Darurat 2021.

Ia membabitkan kumpulan perkhidmatan pelaksana serta pengurusan dan profesional.

TRENDING



BOLA 12 jam yang lepas
Jersi nombor 9 bukan lagi milik Luqman



SELEBRITI Feb 1, 2021 @ 8:38pm
'Ini bukan 'throwback', saya hamil tujuh bulan'



RAKET Feb 1, 2021 @ 3:41pm
Misbun kena latih semula Zii Jia



ASEAN Feb 1, 2021 @ 11:38am
Tentera Myanmar isytihar darurat selama setahun



NASIONAL Jan 31, 2021 @ 12:30pm
Ratusan ikan pari terdampar di pantai

Isnin lalu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Monda Zuki Ali dilaporkan berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan mobilisasi sumber perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri bagi membantu agensi yang memerlukan perkhidmatan mendesak untuk mengawal penularan COVID-19.

Katanya lagi, langkah itu termasuk penjajaran sementara kakitangan awam ke tempat yang memerlukan perkhidmatan tambahan, terutama bagi perkhidmatan sokongan kesihatan dan keselamatan.

Bangunan dan fasiliti kerajaan bersesuaian juga akan dikenal pasti di seluruh negara bagi tujuan dijadikan pusat pengambilan ujian calitan.

JPA bertanggungjawab menyelaras perkara itu bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan kementerian, jabatan serta agensi lain yang terbabit.

Tindakan itu diputuskan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat yang sudah bersidang sebanyak empat kali bagi memantau isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat.

Rabu lalu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, dipetik berkata, kerajaan menasaskan 75,000 orang akan menerima suntikan vaksin dalam tempoh sehari program vaksinasi COVID-19 kebangsaan bermula di 600 pusat vaksinasi seluruh negara, mulai Mac.

Katanya lagi, 75,000 suntikan sehari adalah sasaran awal kerajaan dan sasaran seterusnya bergantung kepada bekalan supaya 150,000 suntikan sehari boleh dilaksanakan meliputi dos kedua, vaksinasi terhadap 27 juta orang atau 80 peratus populasi negara ini dapat diselesaikan pada Mac tahun depan atau paling cepat hujung tahun ini.

BERITA BERKAITAN

NGGARAN BILANGAN ANGGOTA BANTUAN YANG DIPERLUKAN DALAM SEBULAN MENGIKUT JAWATAN BAGI 2021

KATEGORI ANGGOTA	BILANGAN ANGGOTA YANG DIPERLUKAN SETIAP BULAN
JURURAWAT	6075
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	900
PKO/PPKP	750
PAKAR	600
PEMBANTU KESIHATAN AWAM	600
PEGAWAI PERUBATAN	480
PEMANDU	450
PEMANDU KKM	450
JTMP	375
PT	150
JURU X-RAY	150
PPK	75
PEGAWAI FARMASI	75
IT	75
PEGAWAI SAINS	75
JUMLAH	11280



NASIONAL Jan 31, 2021 @ 1:48pm
COVID-19: KKM perlu 11,280
petugas kesihatan tambahan

NASIONAL Jan 26, 2021 @ 7:16pm
Penjawat awam bersedia
digerakkan




NASIONAL Jan 27, 2021 @ 2:54pm
Kerajaan sasar 75,000 orang
disuntik vaksin sehari



NASIONAL Jan 12, 2021 @ 3:07pm
Penjawat awam perlu kekal fokus
ketika tempoh darurat

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home **Outbrain** |





Myanmar military ousts Aung San Suu Kyi in apparent coup
Nikkei Asia




Ivanka Trump and Jared Kushner Lease Miami Condo Following...
Mansion Global



Diabetics: Here's How to Lower Blood Sugar (It's Genius!)
protechmarket.club



Card Holders? Claim Your CNY Promotions!
prelink.co
[Learn More](#)



How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%
ElectroSave™



What Happens When Kamala Harris Lives in Your Condo...
Mansion Global



Singapore suspends Malaysia business 'bubble'...
Nikkei Asia



Hong Kong's 2.9m 'UK' passport holders weigh moves to Britain
Nikkei Asia



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)